

# Tiada jurang kemajuan

BH - 18/4/2008

## Kerajaan laksana pembangunan seimbang di Sabah, Sarawak: PM

Oleh Muhd Yusuf Abu Bakar dan Hardi Effendi Yaacob

**K**UCHING: Kerajaan mahu proses pembangunan wilayah di Sarawak dan Sabah dibuat lebih seimbang bagi memastikan tidak wujud perbezaan dengan kemajuan yang dinikmati penduduk di Semenanjung.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata pembangunan seimbang perlu dilaksanakan di setiap kawasan dan wilayah di kedua-dua negeri itu supaya rakyat memperoleh manfaatnya.

"Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), kerajaan menekankan penekanan supaya setiap kawasan dan wilayah dalam negara kita mendapat pembangunan yang seimbang.

"Ini bagi mengelak wujudnya jurang kemajuan antara yang dinikmati penduduk Semenanjung dengan

di Sabah atau Sarawak," katanya ketika merasmikan terminal baru Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (KIA), di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy; Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu dan Pengerusi Malaysia Airport Holdings Bhd, Tan Sri Dr Aris Othman.

Perdana Menteri berkata, pembangunan di kedua-dua negeri itu mungkin tidak sehebat di Lembah Klang kerana lokasinya yang berhampiran ibu negara serta Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya.

"Namun dengan segala kemudahan yang disediakan termasuk lapangan terbang baru ini, akan memastikan keseimbangan pembangunan wilayah antara Semenanjung dengan Sarawak dan Sabah seperti yang dirancang dalam RMK-9," katanya.

Abdullah yang dalam rangka lawatan dua hari ke Sarawak tiba di KIA kira-kira jam 10 pagi dengan disambut lebih 10,000 penduduk berbilang kaum.

Selain merasmikan KIA, beliau turut melawat kompleks penjara Kuching di Jalan Puncak Borneo, yang sedang dalam pembinaan selepas terbengkalai sejak lima tahun lalu.

Dalam pada itu, ketika sidang me-

dia, Abdullah meminta sektor awam meningkatkan kecekapan jentera pentadbiran bagi memastikan kelancaran setiap projek yang dilaksanakan di Sarawak dan Sabah dalam RMK-9.

"Setiap jentera pentadbiran perlu digerakkan ke tahap tertinggi, seterusnya memastikan kepantasan dalam segala tindakan, ini penting bagi memastikan setiap projek siap mengikut jadual dan perancangan", katanya.

Mengenai KIA, Abdullah berkata, pembinaan lapangan terbang baru itu membuka peluang kepada Sarawak untuk menarik lebih ramai pelabur asing menanam modal dalam pelbagai sektor ekonomi.

"Sarawak mempunyai tanah yang luas untuk dibangunkan dalam sektor pertanian dan industri asas tani dan kelebihan ini boleh digunakan untuk menarik pelabur asing," katanya.

### FAKTA NOMBOR

# RM13.4b

Peruntukan diterima Sarawak dalam RMK-9 untuk projek pembangunan

# RM14.5b

Peruntukan diterima Sabah dalam RMK-9 untuk projek pembangunan